



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

---

JUMAAT, 25 OGOS 2023

LAPORAN HARIAN





UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



www.kpwkm.gov.my

kpwkm

25/8/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
1	<b>LEBIH 284,000 MANIK DISULAM HASILKAN JALUR GEMILANG SEBERAT LEBIH 40 KILOGRAM</b>	
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/08/1144280/lebih-284000-manik-disulam-hasilkan-jalur-gemilang-seberat-lebih-40">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/08/1144280/lebih-284000-manik-disulam-hasilkan-jalur-gemilang-seberat-lebih-40</a>	BHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/wanita-sabah-hasilkan-jalur-gemilang-daripada-lebih-200000-manik-x8ngdk3">https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/wanita-sabah-hasilkan-jalur-gemilang-daripada-lebih-200000-manik-x8ngdk3</a>	ASTROAWANI.COM
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=dfwHsjx0cFQ">https://www.youtube.com/watch?v=dfwHsjx0cFQ</a>	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
2	<b>KELUARGA BAYI HIDAP PENYAKIT GENETIK SYUKUR TERIMA ALAT BANTUAN PERNAFASAN</b>	
	<a href="https://selangorkini.my/2023/08/keluarga-bayi-hidap-penyakit-genetik-syukur-terima-alat-bantuan-pernafasan/">https://selangorkini.my/2023/08/keluarga-bayi-hidap-penyakit-genetik-syukur-terima-alat-bantuan-pernafasan/</a>	SELANGORKINI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
3	<b>SOS KIDS ANJUR MAJLIS MAKAN MALAM AMAL RAIH DANA BANTU KANAK-KANAK SAKIT KRITIKAL</b>	
	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2023/08/24/sos-kids-anjur-majlis-makan-malam-amal-raih-dana-bantu-kanak-kanak-sakit-kritikal">https://www.utusanborneo.com.my/2023/08/24/sos-kids-anjur-majlis-makan-malam-amal-raih-dana-bantu-kanak-kanak-sakit-kritikal</a>	UTUSANBORNEO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
4	<b>BOMBA SELAMATKAN WANITA CEDERA KETIKA TURUN BUKIT BROGA</b>	
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2023/08/24/bomba-selamatkan-wanita-cedera-ketika-turun-bukit-broga/">https://www.kosmo.com.my/2023/08/24/bomba-selamatkan-wanita-cedera-ketika-turun-bukit-broga/</a>	KOSMO.COM.MY
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/275413/berita/semasa/bomba-bawa-turun-wanita-terseliuh-di-bukit-broga">https://www.sinarharian.com.my/article/275413/berita/semasa/bomba-bawa-turun-wanita-terseliuh-di-bukit-broga</a>	SINARHARIAN.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

f t @ kpwkm

25/8/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
5	<b>WANITA HAMIL 6 BULAN MAUT MOTOSIKAL TERLANGGAR ANJING</b>	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/08/1002871/wanita-hamil-6-bulan-maut-motosikal-terlanggar-anjing">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/08/1002871/wanita-hamil-6-bulan-maut-motosikal-terlanggar-anjing</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/08/1144293/wanita-sarat-mengandung-maut-motosikal-langgar-anjing">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/08/1144293/wanita-sarat-mengandung-maut-motosikal-langgar-anjing</a>	BHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/275425/berita/semasa/wanita-mengandung-enam-bulan-maut-langgar-anjing">https://www.sinarharian.com.my/article/275425/berita/semasa/wanita-mengandung-enam-bulan-maut-langgar-anjing</a>	SINARHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/wanita-mengandung-enam-bulan-maut-langgar-anjing-434339">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/wanita-mengandung-enam-bulan-maut-langgar-anjing-434339</a>	ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
6	<b>KKM TIDAK WAJIBKAN KANAK-KANAK AMBIL VAKSIN COVID-19</b>	
	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/08/kkm-tidak-wajibkan-kanak-kanak-ambil-vaksin-covid-19/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/08/kkm-tidak-wajibkan-kanak-kanak-ambil-vaksin-covid-19/</a>	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
7	<b>PROGRAM TINGKAT KESEJAHTERAAN ANAK-ANAK BANDUAN</b>	
	<a href="https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/program-tingkat-kesejahteraan-anak-anak-banduan-x8nfgpv">https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/program-tingkat-kesejahteraan-anak-anak-banduan-x8nfgpv</a>	ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
8	<b>KANAK-KANAK TADIKA MERIAHKAN SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN</b>	
	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/08/kanak-kanak-tadika-meriahkan-sambutan-hari-kebangsaan/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/08/kanak-kanak-tadika-meriahkan-sambutan-hari-kebangsaan/</a>	UTUSAN.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

25/8/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
9	<b>BATUK KOKOL: BAYI KURANG ENAM BULAN BERISIKO TINGGI DIJANGKITI - PAKAR</b>	
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/batuk-kokol-bayi-kurang-enam-bulan-berisiko-tinggi-dijangkiti-pakar-434212">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/batuk-kokol-bayi-kurang-enam-bulan-berisiko-tinggi-dijangkiti-pakar-434212</a>	ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
10	<b>GURU WANITA DITEMUKAN MENINGGAL DUNIA DI RUMAH</b>	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/08/1002931/guru-wanita-ditemukan-meninggal-dunia-di-rumah">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/08/1002931/guru-wanita-ditemukan-meninggal-dunia-di-rumah</a>	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
11	<b>'INGATKAN MERAPU, RUPANYA CAKAP RUSIA'</b>	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/utama/2023/08/1002800/ingatkan-merapu-rupanya-cakap-rusia">https://www.hmetro.com.my/utama/2023/08/1002800/ingatkan-merapu-rupanya-cakap-rusia</a>	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
12	<b>SKIM TAMBANG PERCUMA, MYBAS50, BANTU WARGA EMAS, OKU DAN PELAJAR</b>	
	<a href="https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/69860-skim-tambang-percuma-mybas50-bantu-warga-emas-oku-dan-pelajar">https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/69860-skim-tambang-percuma-mybas50-bantu-warga-emas-oku-dan-pelajar</a>	BERITA.RTM.GOV.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
13	<b>WANITA HIDUP DALAM KETAKUTAN DIUGUT 'SCAMMER'</b>	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/08/1002893/wanita-hidup-dalam-ketakutan-diugut-scammer">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/08/1002893/wanita-hidup-dalam-ketakutan-diugut-scammer</a>	HMETRO.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

25/8/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
14	<b>PARANG, BAJU MILIK WARGA EMAS DIPERCAYAI DIBAHAM BUAYA DITEMUI PASUKAN SAR</b>	
	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/parang-baju-milik-warga-emas-dipercayai-dibaham-buaya-ditemui-pasukan-sar/">https://www.buletintv3.my/nasional/parang-baju-milik-warga-emas-dipercayai-dibaham-buaya-ditemui-pasukan-sar/</a>	BULETINTV3.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
15	<b>BUDAK CEDERA TERSEKIT PENUTUP BESI</b>	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/08/1002956/budak-cedera-tersekit-penutup-besi">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/08/1002956/budak-cedera-tersekit-penutup-besi</a>	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
16	<b>BATUK KOKOL: "JANGAN CIUM BAYI, ELAKKAN JANGKITAN KEPADA SI KECIL" - PAKAR KESIHATAN AWAM</b>	
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/batuk-kokol-jangan-cium-bayi-elakkan-jangkitan-kepada-si-kecil-pakar-kesihatan-awam-434386">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/batuk-kokol-jangan-cium-bayi-elakkan-jangkitan-kepada-si-kecil-pakar-kesihatan-awam-434386</a>	ASTROAWANI.COM
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=05UJEZMNF4o">https://www.youtube.com/watch?v=05UJEZMNF4o</a>	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
17	<b>PENDUDUK PPR KEMPAS HARAP ISU INFRASTRUKTUR ASAS DAPAT DISELESAIKAN</b>	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/08/1002833/penduduk-ppr-kempas-harap-isu-infrastruktur-asas-dapat-diselesaikan">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/08/1002833/penduduk-ppr-kempas-harap-isu-infrastruktur-asas-dapat-diselesaikan</a>	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
18	<b>DISANGKA HANTU RUPANYA NENEK DI ATAS JALAN</b>	
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2023/08/24/disangka-hantu-rupanya-nenek-di-atas-jalan/">https://www.kosmo.com.my/2023/08/24/disangka-hantu-rupanya-nenek-di-atas-jalan/</a>	KOSMO.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK




[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

25/8/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
19	<b>PRA-PENDAFTARAN AUTOMATIK INSAN DISEBABKAN ADUAN TERUTAMA WARGA EMAS – MBI SELANGOR</b>	
	<a href="https://malaysiagazette.com/2023/08/24/prapendaftaran-automatik-insan-disebabkan-aduan-terutama-warga-emas-mbi-selangor/">https://malaysiagazette.com/2023/08/24/prapendaftaran-automatik-insan-disebabkan-aduan-terutama-warga-emas-mbi-selangor/</a>	MALAYSIAGAZETTE.COM



TAJUK : 284,928 MANIK DIGUNA SIAPKAN GUBAHAN JALUR GEMILANG

HARI : JUMAAT

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 25 OGOS 2023

M/SURAT : 14

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

## 284,928 manik diguna siapkan gubahan Jalur Gemilang

**Kota Kinabalu:** Demi menyemarakkan semangat patriotik dan meraikan Hari Kebangsaan ke-66 tahun ini, sekumpulan wanita dari Kampung Tinangol, Matunggong, Kudat, di sini, bersatu tenaga menyiapkan gubahan bendera Jalur Gemilang diperbuat daripada 284,928 butir manik.

Gubahan manik Jalur Gemilang dengan ukuran 4.8 meter panjang dan 1.9 meter lebar itu menggunakan 118,272 manik.

Daripada jumlah itu, masing-masing sebanyak 118,272 manik merah dan putih, manakala kuning 3,687 (untuk corak bulan) dan 2,457 (bintang) serta biru sebanyak 42,240.

Ketua kumpulan pembuat manik, Hanna Porodong, berkata se-

ramai 14 wanita terbabit memperuntukkan antara tiga hingga empat jam setiap hari, sejak sebulan lalu untuk menyiapkan gubahan manik Jalur Gemilang itu dengan kos RM8,000.

Beliau menasarkankan untuk memasukkan projek itu dalam *Malaysia Book of Records*.

Idea projek itu tercetus apabila beliau dan ahli kumpulan membayangkan keunikan Jalur Gemilang bersaiz besar dihasilkan daripada susunan manik kecil.

"Bukan mudah, tetapi tiada yang mustahil, lebih-lebih lagi jika kerja menggubah dibuat secara berkumpulan.

"Saya memberi semangat kepada ahli kumpulan lain untuk dilaksanakan sebagai bukti kita



Wanita jiran KRT Gumantung, Tinangol memperlihatkan gubahan manik Jalur Gemilang yang hampir disiapkan.

cintaan negara melalui kemahiran dan kreativiti.

"Idea ini membuktikan wanita di Kampung Tinangol ini mempunyai kemahiran tinggi dalam

bidang gubahan manik diwaris nenek moyang.

"Dengan gubahan manik Jalur Gemilang itu diharapkan industri kraf berasaskan manik terus

mendapat tempat dalam kalangan pelancong dalam dan luar negara sekali gus meningkatkan taraf ekonomi penduduk," katanya.



TAJUK : PUPUK KASIH SAYANG JADIKAN DIRI TELADAN DICONTOKI ANAK

HARI : JUMAAT

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 25 OGOS 2023

M/SURAT : 13

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

# Pupuk kasih sayang jadikan diri teladan dicontohi anak

**Prof Madya Dr  
Khairunneezam  
Mohd Noor,**  
Pensyarah  
Kanan, Universiti  
Sains Islam  
Malaysia

**Bijak** pandai ada menyebut bahawa anak kecil itu umpama sehelai kain putih. Terserah kepada kebijaksanaan ibu bapa untuk mencorakkan mereka dengan sewajarnya.

Hal ini menyerlahkan tanggungjawab ibu bapa yang berat dalam memastikan perkembangan dan kemandirian anak supaya seimbang dari aspek fizikal, emosi, rohani dan intelek.

Fungsi ibu bapa bukan semata-mata memberi makanan dan pakaian, bahkan meliputi aspek didikan yang sempurna serta menjaga keselamatan, kesihatan dan hak mereka yang lain.

Namun, masih lagi wujud sebilangan masyarakat kita yang tidak memahami pentingnya memberi perhatian dan didikan sempurna kepada anak. Mereka bukan saja mengabaikan, bahkan mendera anak sendiri.

Baru-baru ini seorang bapa dihukum gantung atas kesalahan mendera hingga mati anak sendiri. Di Taiping sebelum ini, polis menahan seorang ibu kerana dipercayai mendera anaknya hingga mati yang berusia sembilan tahun.

Sungguhpun berita itu sangat menyedihkan, tetapi ia tetap berlaku. Malah penderaan bukan hanya berlaku dalam bentuk fizikal sebaliknya ia turut merangkumi secara mental termasuk pengabaian malah seksual.

Statistik kejadian penderaan kanak-kanak di negara ini menunjukkan terdapat 1,301 kes direkodkan berlaku sepanjang tahun lalu. Kebanyakan kes membabitkan penderaan fizikal, seksual, pengabaian dan kecuaihan. Daripada keseluruhan kes, 336 berlaku di rumah pengasuh dan pusat asuhan.

Jika disoroti pernyataan dalam Akta Kanak-kanak 2001, kanak-kanak diiktiraf sebagai kunci kehidupan, pembangunan dan kemakmuran negara. Akta ini turut menyatakan bahawa kanak-kanak berhak mendapat perlindungan dan bantuan dalam segala hal, selain mengiktiraf ibu bapa serta keluarga memainkan peranan dalam membesarkan juga menyara kebajikan mereka. Namun, mengapa masih ada lagi kes penderaan?

Sebagai langkah membanteras gejala penderaan

terhadap anak ini, kerajaan sejak sekian lama serius melaksanakan kempen kesedaran dalam memupuk nilai kasih sayang dalam institusi kekeluargaan.

## Akta lindungi kanak-kanak

Dalam konteks perundangan pula, sudah ada Akta Kanak-kanak 2001 digubal bagi melindungi hak golongan ini daripada sebarang perlakuan penderaan atau pencabulan hak mereka. Jika sabit kesalahan mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-kanak 2001, seseorang itu boleh dihukum penjara tidak lebih 20 tahun atau denda tidak lebih RM50,000 atau kedua-duanya. Selain itu, sesiapa yang didapati mendera kanak-kanak sehingga mengakibatkan kematian, akan disiasat dan disabit di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman gantung sampai mati.

Namun, langkah pencegahan penderaan yang lebih bermakna seharusnya dibuat dalam kalangan ibu bapa sendiri. Pertama, ibu bapa perlu meluangkan lebih masa untuk mendampingi anak mereka. Hal ini dapat memberi kesempatan yang luas kepada ibu bapa memahami perkembangan dan ke-

perluan anak mereka serta memupuk tali silaturahmi yang erat dalam keluarga. Bawalah anak bersiar-siar atau berkelah, bersukan, menyertai aktiviti komuniti serta keagamaan dan sebagainya.

Ibu bapa juga harus berperanan sebagai sumber utama dalam memberi bimbingan keagamaan, moral, adab dan tatasusila. Bimbingan secara langsung sebegini akan melahirkan perasaan yakin dalam kalangan anak bahawa ibu bapa adalah teladan terbaik untuk diikuti.

Sekiranya anak membuat kesilapan, dahulukan dengan nasihat dan teguran, bukan sewenang-wenangnya menghukum dan memukul membuta tuli. Hukuman yang ingin dikenakan sekalipun perlu tidak melampaui batasan. Cukup sekadar memberi pengajaran supaya anak tidak mengulang kesilapan.

Keempat, jika wujud sebarang bibit-bibit atau anasir yang boleh mendorong ke arah melakukan penderaan, ibu bapa perlu segera mendapatkan khidmat nasihat daripada kaunselor, pakar perkembangan psikologi kanak-kanak, perubatan, ahli agama dan sebagainya.

Ingatlah bahawa suatu hari nanti anak ini juga yang akan membela nasib ibu bapa ketika tua. Jika dari kecil lagi didera dan tidak diberikan bimbingan sewajarnya, bukan mustahil akhirnya ibu bapa menghuni rumah kebajikan.





TAJUK : SEKOLAH KHAS PLATFORM TARIK MINAT PELAJAR MISKIN TEROKAI STEM

HARI : JUMAAT

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 25 OGOS 2023

M/SURAT : 11

STONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

# Sekolah khas platform tarik minat pelajar miskin terokai STEM



Profesor di Fakulti Seni, Kelestarian dan Industri Kreatif (FSKIK), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

Oleh Dr Ahmad Zamzuri Mohamad Ali  
bhrencana@bh.com.my

**Walaupun** tidak ada kajian membuktikan secara jelas kaitan antara kemiskinan dan kemerosotan minat pelajar terhadap pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM), terdapat beberapa faktor berkaitan dengan kemiskinan boleh menyumbang kepada perkara itu.

Namun, secara rambang, kajian menunjukkan kemiskinan secara tidak langsung boleh menjejaskan minat dan pembabitan pelajar terhadap STEM.

Antara faktornya adalah pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah kebiasaannya kekurangan akses kepada sumber berkualiti berkaitan STEM seperti ba-

han pendidikan, komputer dan akses internet. Halangan ini menjauhkan mereka daripada subjek STEM sekali gus mengurangkan minat mereka dalam bidang ini.

Pelajar daripada latar belakang berpendapatan rendah mungkin kekurangan akses kepada bentuk sokongan ini, akhirnya menjejaskan prestasi dan minat mereka dalam mata pelajaran STEM.

Sekolah di kawasan berpendapatan rendah juga kebiasaannya mempunyai peralatan dan sumber kurang mencukupi untuk memacu pendidikan STEM. Ini menyebabkan kaedah pembelajaran menjadi tidak menarik dan praktikal, seterusnya mengurangkan minat pelajar mendalami mata pelajaran ini.

Pelajar juga mungkin sukar melihat kaitan praktikal subjek STEM dalam kehidupan seharian mereka, terutama jika mereka datang daripada komuniti mempunyai akses terhad kepada kerjaya atau industri berkaitan STEM.

Pelajar daripada latar belakang miskin mungkin memandang negatif kebolehan diri untuk menguasai ilmu STEM kerana status sosioekonomi mereka. Ancaman stereotaip ini boleh mengurangkan keyakinan diri dan minat mereka untuk mence-

buru bidang berkenaan.

Hakikatnya, menangani isu ini memerlukan pendekatan menyeluruh, merangkumi peningkatan kualiti pendidikan dalam komuniti berpendapatan rendah, menyediakan akses kepada sumber, memupuk persekitaran pembelajaran saling menyokong dan menggalakkan kepelbagaian pedagogi dalam bidang STEM.

Hal ini mungkin sukar dicapai secara segera dan menyeluruh. Oleh itu, idea penubuhan sekolah khas daripada Kementerian Pendidikan (KPM) bagi pelajar daripada latar belakang miskin, adalah inisiatif wajar disokong, sekiranya aspek digariskan di atas menjadi pertimbangan untuk ditangani.

## Akses dunia pekerjaan

Secara tidak langsung, pendidikan STEM berpotensi mengeluarkan komuniti pelajar dalam kategori ini daripada kemiskinan tegar. Pendidikan STEM membolehkan pelajar mendapat akses ke-

pada dunia pekerjaan bergaji tinggi dan meningkatkan peluang mereka untuk berjaya dalam sebarang profesion.

Perlu diakui, bidang STEM ialah satu bidang pekerjaan paling pesat berkembang di seluruh dunia. Pada masa ini, peluang kerjaya dalam STEM amat tinggi, namun individu berkelayakan untuk mengisinya tidak mencukupi.

Oleh itu, kewujudan sekolah khusus untuk pelajar miskin dengan pendekatan pedagogi bersesuaian seharusnya mampu menjadi platform untuk meningkatkan minat pelajar miskin menerokai STEM secara lebih yakin.

Pedagogi bagi pelajar latar belakang miskin ini tidak sama dengan pedagogi rutin di sekolah berasrama penuh atau sekolah harian. Aspek penyediaan mental dan fizikal perlu diberi tumpuan utama sebelum aspek kognitif diberi tumpuan.

Pendidikan berkualiti tinggi sering memerlukan sokongan tambahan secara berterusan, seperti tunjuk ajar, bimbingan dan program pengayaan.



Pendekatan pedagogi bersesuaian mampu tarik minat pelajar serti bidang STEM.

(Foto hiasan)



TAJUK : 'DATANGLAH AMBIL SOFEA...'

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 25 OGOS 2023

M/SURAT : 06

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

# 'Datanglah ambil Sofea...'

*Warga emas buntu bayi ditinggalkan pasangan suami isteri tanpa dokumen*

Oleh Samadi Ahmad  
[am@hmetro.com.my](mailto:am@hmetro.com.my)

## Putrajaya

**K**ata rindukan Sofea, kenapa terus tinggalkan anak tanpa berita.

Kerana itu, pesara, Zolkepli Husein, 63, menggesa suami isteri yang meninggalkan anak mereka dikenali sebagai Sofea yang berumur 13 bulan kepada supaya segera mengambilnya.

"Datanglah ambil anak, kamu kata rindukan dia dan berjanji hendak mengambilnya semula."

"Sekiranya terjadi sesuatu ke atas diri saya, siapa akan jaga Sofea," katanya semalam.

Zolkepli yang berasal dari Kampung Melayu Rasa Tambahan, Rawang dekat sini, meminta ibu bapa Sofea yang menghilangkan diri sejak dua minggu lalu supaya datang mengambil anak mereka dengan segera.

Menurutnya, bapa Sofea adalah warga tempatan manakala ibunya warga Indonesia dan dia mengenali pasangan itu selepas datang bertemunya untuk memohon kerja membersihkan kebun kerana perlukan sumber kewangan.

Selepas itu, katanya, pasangan ini memberi alasan kononnya mahu pulang ke Indonesia untuk beberapa hari dan berjanji akan mengambil Sofea seurus kembali ke negara ini.

"Sofea ditinggalkan pada saya 5 Ogos lalu dan sepanjang tiga hari berturut-turut, ibunya ada menghubungi saya bertanyakan khabar anak selain menyatakan kerinduannya."

"Sehingga kini, pasangan terbabit gagal dihubungi malah mereka juga tidak menghubungi saya atau isteri, Nurul Asyikin Ali yang berusia 42 tahun," katanya.

Pada masa sama, menurutnya, pasangan terbabit turut tidak meninggalkan sebarang dokumen diri So-

fea dan dia pasti berdepan kesukaran sekiranya perlu membawa kanak-kanak itu untuk rawatan kesihatan.

"Saya sudah membuat laporan polis dan merujuk kes ini ke Pejabat Kebajikan Masyarakat Hulu Selangor di Kuala Kubu Baharu untuk proses seterusnya," katanya.

Zolkepli berkata, sekiranya tiada waris datang menuntut, dia sedia menjadikan Sofea sebagai anak angkat kerana dia hanya mempunyai seorang anak berusia 10 tahun hasil perkahwinannya.

Orang ramai yang mempunyai maklumat berkaitan waris Sofea boleh menghubungi Zolkepli di talian 011-58900510.



ZOLKEPLI bersama Sofea, menunjukkan salinan laporan polis selepas kanak-kanak itu ditinggalkan ibu bapanya dan menghilangkan diri serta gagal dihubungi.



TAJUK :	3,193 DITAHAN BERHUTANG KES PEMERDAGANGAN MANUSIA		
HARI :	JUMAAT	AKHBAR :	HARIAN METRO
TARIKH :	25 OGOS 2023	M/SURAT :	10
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

## 3,193 ditahan berhubung kes pemerdagangan manusia

**Kuala Lumpur:** Seramai 3,193 orang ditahan berhubung kes pemerdagangan orang bagi tempoh Januari 2015 sehingga Mei 2023, kata Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Jabatan Imigresen Jafri Embok Taha, semalam.

Katanya, secara keseluruhan terdapat 2,110 kes dilaporkan dan disiasat serta ada yang dijatuhkan hukuman di bawah Akta Anti-pemerdagangan Orang dan



*Kes pemerdagangan orang di negara ini tak hanya melibatkan warga asing kerana ada kes melibatkan warganegara Malaysia serta tidak mengenal jantina, umur”*

Jafri

Antipenyeludupan Migran 2007 (ATIPSOM 2007).

“Kes pemerdagangan orang di negara ini tidak hanya melibatkan warga asing kerana terdapat juga kes yang melibatkan warganegara Malaysia serta tidak mengenal jantina mahupun umur.

“Mangsa mungkin kanak-kanak, lelaki atau wanita kerana pemerdagangan orang ini boleh berlaku kepada sesiapa sahaja,”

katanya kepada Bernama.

Jafri berkata, usaha memerangi jenayah pemerdagangan orang ini bukan hanya terletak kepada penguatkuasaan sahaja tetapi ia memerlukan sokongan dan kerjasama daripada masyarakat untuk menyebarkan maklumat.

Jafri berkata antara cabaran yang dihadapi dalam mengendalikan siasatan membabitkan mangsa pemerdagangan orang adalah

untuk mendapatkan kerjasama daripada mangsa sendiri.

“Terdapat keadaan, mangsa tidak mahu melaporkan atau enggan membuat aduan. Keadaan itu mungkin disebabkan oleh perasaan takut kepada penjenayah atau trauma terhadap insiden yang berlaku ke atas mereka yang sekali gus menyukarkan pihak berkuasa untuk bertindak,” katanya.



TAJUK : AJAL LANGGAR ANJING

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 25 OGOS 2023

M/SURAT : 12

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

## WANITA HAMIL MAUT

# Ajal langgar anjing

Oleh Ahmad Hasbi  
[am@hmetro.com.my](mailto:am@hmetro.com.my)

### Tampin

Seorang wanita yang hamil enam bulan meninggal dunia selepas terbabit kemalangan dipercayai terbabas akibat melanggar anjing di Jalan Keru-Batu Belang di sini, kelmarin.

Pada kejadian jam 12 tengah malam itu, mangsa yang menunggang Modenas Dinamik sempat dibawa ke hospital untuk rawatan namun disahkan meninggal dunia jam 2.10 pagi.

Ketua Polis Daerah Tampin Superintendan Anuwal Ab Wahab berkata, difahamkan ketika kejadian mangsa yang berusia 35 tahun dalam perjalanan pulang ke rumah di Kampung Keru Hulu di sini.

"Hasil siasatan mendapati, mangsa dikatakan dalam perjalanan dari sebuah kedai makan di Jalan Tampin-Gemas ke rumahnya di Kampung Keru



MOTOSIKAL yang ditunggang wanita mengandung dipercayai terbabas selepas melanggar anjing di Jalan Keru- Batu Belang, Tampin.

Hulu.


"Tiba di lokasi kejadian, mangsa dipercayai terlanggar anjing menyebabkannya hilang kawalan lalu terbabas ke bahu jalan

sebelum terjatuh," katanya dihubungi, semalam.

Beliau berkata, akibatnya, mangsa mengalami kecederaan parah dan dikejarkan ke Hospital Tam-

pin.

Kes disiasat mengikut Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan 1987 dan saksi kejadian diminta tampil membantu siasatan.



TAJUK : HIDUP TAK AMAN DIUGUT BRO TIGER!

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 25 OGOS 2023

M/SURAT : 10

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

# Hidup tak aman diugut **Bro Tiger!**

*Wanita tanggung rugi ditipu sindiket jual kereta terpakai*

Oleh Raja Noraina  
Raja Rahim  
[am@hmetro.com.my](mailto:am@hmetro.com.my)

## Kuala Lumpur

**A**kibat terpedaya dengan sindiket penjualan kereta terpakai di media sosial, seorang wanita bukan saja menanggung kerugian malah kini hidup dalam ketakutan apabila diugut sindiket berkenaan.

Juru kecantikan mahu dikenali Jong, 54, mendakwa sindiket terbabit meminta membayar baki 'hutang' pembelian kenderaan utiliti sukan (SUV) Honda CRV walaupun kenderaan itu tidak diterimanya.

Menceritakan kejadian, wanita itu berkata semuanya bermula pada 9 Ogos lalu ketika dia melayari laman sosial Facebook dan melihat iklan penjualan kereta terpakai.

Menurutnya, dia tertarik dengan Honda CRV terpakai dijual pada harga

RM55,000 lalu berurusan dengan penjual menerusi aplikasi WhatsApp.

"Individu itu mendakwa kenderaan dari Langkawi sebab itu harganya murah walaupun tahun kenderaan 2021 dan kelihatan masih baru.

"Hasil perbincangan kami, penjual itu setuju menjual kenderaan terbabit pada harga RM48,000 dan saya diminta membuat bayaran deposit RM2,600. Saya memasukkan wang ke dalam akaun diberikan milik seorang wanita pada 11 Ogos lalu.

"Beberapa hari kemudian, dia meminta saya memasukkan wang RM4,170 sebagai bayaran insurans dan cukai jalan ke akaun bank milik seorang wanita lain," katanya.

Bercerita lanjut,

Jong berkata, penjual itu sekali lagi menghubunginya dan me-

mintanya memasukkan wang berjumlah RM6,000 kerana perlu mendapatkan permit import (AP) untuk kelulusan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

Bagaimanapun, katanya, dia tidak membuat bayaran terbabit kerana berasa ditipu lalu meminta penjual itu memulangkan semula wangnya.

Sejak itu bermula detik hitam dalam hidupnya apabila sindiket bukan saja mengugut memintanya membayar harga kenderaan berkenaan tetapi sindiket turut menghubungi anak perempuannya.

"Seorang lelaki mengaku Bro Tiger dari satu kumpulan kongsi gelap menghantar mesej ugutan kepada anak saya meminta saya membayar hutang dan

jika tidak bayar, mereka akan datang ke salun milik anak saya di Cyberjaya.

"Apa yang

menghairankan, kenapa saya perlu bayar sedangkan saya tidak terima kenderaan itu. Malah saya tanggung kerugian RM6,770," katanya.

Tambahnya, semakan di JPJ juga mendapati tiada kenderaan didaftarkan atas namanya lalu dia membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Dang Wangi pada 15 Ogos lalu kerana ditipu selain bimbang keselamatan diri serta keluarga.

Sementara itu, Pengerusi Biro Perkhidmatan Awam dan Aduan MCA, Datuk Seri Michael Chong berkata, ia aduan pertama diterima pihaknya berkaitan 'scammer' membuat ugutan terhadap mangsa walaupun mangsa sudah kerugian ditipu.

Beliau turut menasihati orang ramai supaya tidak mudah terpedaya dengan iklan di laman sosial dan membuat semakan dengan pihak berkaitan terlebih dahulu.

**Sindiket turut  
menghubungi anak  
perempuan mangsa**



TAJUK : JANGKITAN KUMAN: GURU WANITA DITEMUI MENINGGAL

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 25 OGOS 2023

M/SURAT : 08

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

## Jangkitan kuman: Guru wanita ditemui meninggal

**Gua Musang:** Seorang guru wanita ditemukan meninggal dunia akibat jangkitan kuman di rumahnya di kuarters guru sebuah sekolah menengah di sini, kelmarin.

Mangsa berusia 43 tahun yang tinggal sendirian dan belum berkahwin ditemukan dalam keadaan telentang di ruang tamu rumah oleh rakannya.

Ketua Polis Daerah Gua Musang, Superintendan Sik Choon Foo berkata, mangsa yang tinggal di tingkat empat kuarter guru mengajar di sekolah berkenaan pada Januari tahun lalu.

Menurutnya, kejadian disedari jam 8.40 pagi apabila seorang guru pergi ke rumah mangsa kerana dia tidak hadir bertugas.

"Apabila sampai di rumahnya, pengadu mengetuk pintu dan memberi sa-

lam, namun tiada jawapan.

"Pengadu meminta bantuan daripada seorang lagi guru wanita membuka pintu rumah mangsa dengan kunci pendua.

"Selepas membuka pintu rumah, mereka mendapati mangsa tidak sedarkan diri dalam keadaan telentang di ruang tamu," katanya dalam kenyataan, semalam.

Menurutnya, siasatan awal mendapati tiada unsur jenayah yang menyebabkan kematian mangsa.

"Mayat mangsa dibawa ke Hospital Gua Musang untuk bedah siasat dan punca kematian disebabkan *Sepsis Secondary to Necrotizing Fasciitis* atau jangkitan kuman teruk.

"Siasatan lanjut diteruskan dan kes diklasifikasikan sebagai mati mengejut (SDR)," katanya.



MAYAT mangsa yang ditemukan dalam keadaan telentang di ruang tamu rumahnya di SMK Panggung Jaya.



TAJUK : SEJAHTERA SEBALIK JERJI BESI

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 25 OGOS 2023

M/SURAT : 09

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Kajang

## PROGRAM C.I.N.T.A CARE UNTUK ANAK PENGHUNI PENJARA

# Sejahtera sebalik jeriji besi

Jabatan Penjara Malaysia mengahului-alukan kerjasama daripada universiti tempatan dalam meningkatkan kesejahteraan penghuni melalui inisiatif program seperti pendidikan dan menaik taraf fasiliti untuk anak penghuni di sebalik jeriji besi itu.

Timbalan Komisioner Jeneral Penjara (Pengurusan) Jabatan Penjara Abd Kadir Rais berkata, langkah itu kerana proses pemulihan penghuni penjara sama ada di dalam atau di luar tembok penjara memerlukan pembabitkan daripada masyarakat untuk dijayakan.

"Justeru, kerjasama semua pihak termasuk badan kerajaan, agensi swasta, syarikat GLC, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan masyarakat sangat penting dalam menyokong serta membantu menyediakan peluang pekerjaan kepada banduan," katanya selepas Majlis Penyerahan Projek Mencorak Masa Depan Menaik Taraf Kemudahan Fasiliti Bagi Meningkatkan Kesejahteraan Anak-Anak Penghuni Penjara Wanita Kajang (C.I.N.T.A CARE) di Penjara Wanita Kajang di



ABD Kadir (kanan) bersama Dr Mohamad (dua dari kanan) menyantuni penghuni kanak-kanak di Penjara Wanita Kajang.

**"Kerjasama semua pihak termasuk badan kerajaan, agensi swasta, syarikat GLC, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan masyarakat sangat penting dalam menyokong serta membantu menyediakan peluang pekerjaan kepada banduan"**

sini, kelmarin.

Turut hadir, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Prof Emeritus Datuk Dr Mohamad Abd Razak.

Projek itu adalah kerja menaik taraf kemudahan fasiliti kanak-kanak dalam Penjara Wanita Kajang yang dilaksanakan dengan kerjasama Pusat Perhubu-

ngan Alumni UKM.

Sementara itu, menurut Abd Kadir, projek C.I.N.T.A CARE ini memberi impak besar kepada kesejahteraan dan perkembangan anak dilahirkan dalam penjara.

Katanya, menerusi penyediaan persekitaran kondusif serta ruang dan peralatan sesuai untuk kanak-kanak, ia memberi peluang kepada setiap anak berkembang secara optimum.

Untuk rekod, ada dua kanak-kanak perempuan dan tiga kanak-kanak lelaki berusia antara dua hingga tiga tahun berada di penjara berkenaan.

Selain itu, Mohamad berkata, program C.I.N.T.A CARE julung kali diadakan pihak UKM dan Jabatan Penjara.

Beliau berkata, pihaknya terbuka menjalin kerjasama lain bersama Jabatan Penjara termasuk rawatan dan pendidikan kepada kanak-kanak dalam penjara.



TAJUK :	MPB CAMPAIGN INSPIRES PATRIOTISM BY HIGHLIGHTING FAVOURITE KUIH		
HARI :	JUMAAT	AKHBAR :	NEW STRAITS TIMES
TARIKH :	25 OGOS 2023	M/SURAT :	08
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

DIVERSITY, UNITY

# MPB campaign inspires patriotism by highlighting favourite kuih

'Manis Pahit Bersama' seeks to create a sense of togetherness in Malaysians

MAHANI ISHAK  
KUALA LUMPUR  
news@nst.com.my

**M**EDIA Prima Bhd launched a National Day and Malaysia Day campaign themed "Manis Pahit Bersama" to celebrate diversity and unity by highlighting the nation's favourite kuih (traditional desserts).

Under the slogan "Berdiri bersatu dan meraikan sesuatu yang manis menjadikan kita se-

bagai warganegara Malaysia yang unik" (Standing together and celebrating something sweet make us unique as citizens of Malaysia), the campaign introduces the power of food in nurturing relationships.

Media Prima group managing director Rafiq Razali said the campaign was one of Media Prima's efforts to foster pride and love for the country, besides embracing the nation's cultural diversity.

"The aim is to inspire a sense of patriotism that unites Malaysians by highlighting our favourite traditional kuih, snacks and desserts.

"Whether it's *seri muka*, *ang ku* or *vadal*, the variety of kuih serves as a symbol of heritage that unites us as Malaysians.

"It is time for us to unite and celebrate our love for the country by reflecting on our shared experiences and values.



Rafiq Razali

"Nothing makes a celebration more delightful than Malaysia's favourite food."

The campaign was organised to create a sense of togetherness and equality among Malaysians.

Rafiq said Media Prima incorporated traditional food and desserts as part of its National Day and Malaysia Day campaigns.

"The 360 campaign includes a short video, an exclusive Tonton telemovie and activities that will be held in the Klang Valley in conjunction with independence month.

"It also aims to ensure broad reach and impact by continuing to serve content on television, radio, social media, print media and out-of-home advertising.



Ten children and their parents attended a kuih-making class with Jaguh Kartun TV9 in Bukit Bintang, Kuala Lumpur, on Saturday. PIC BY SAIFULLIZAN TAMADI

"Through these channels, the campaign is expected to strengthen the unity between Malaysians."

The campaign started last Saturday with a kuih class with Jaguh Kartun TV9, located at Sarang Cookery, Bukit Bintang, here.

Ten children and their parents attended the cooking class to learn how to make *kuih ketayap*, *kuih ang ku*, and *putu mayam*.


The next day, people gathered at Central Market for the Malaysian Mega Kuih event, where they made and distributed more than 500 *onde onde*.

Snippets from the event are featured in the campaign video, highlighting the country's togetherness and love for kuih.

On Sept 16, people can enjoy Kuih Piknik #ManisPahitBersama, an event in collaboration with Keretapi Sarong in Taman Kolonial, Sultan Abdul Samad Building, from 2pm to 6pm.

The event offers cultural performances, workshops, *wayang pacak* (outdoor movie screening) with Tonton, appearances by artistes, as well as food and cakes.

More information on the campaign is available at [says.com/manispahitbersama](https://says.com/manispahitbersama).



TAJUK : 'SARAWAK TO BE DATA-DRIVEN IN FACING AGEING POPULATION'

HARI : JUMAAT

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 25 OGOS 2023

M/SURAT : 02

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Home

# 'Sarawak to be data-driven in facing ageing population'

Philip Kiew

**MIRI:** Coming up with the right mechanism to incorporate social inclusivity and security into its looming ageing population would be the way forward for Sarawak, said Minister of Women, Childhood and Community Wellbeing Development Dato Sri Fatimah Abdullah.

Acknowledging the multi-faceted challenges faced, the ministry is banking on the comprehensive research findings of a consortium of three universities and feedback from the stakeholders on the needs and challenges of the evolving demographics and ageing population in Sarawak.

Sarawak is predicted to be an ageing state by 2028, ahead of other states in Malaysia which are projected to reach that status by 2030.

"Our social wellbeing index research previously involved only 24 out of the 45 districts but the research by the consortium of three universities will be comprehensive and cover every district when it concludes in March 2024," she said in reply to a forum participant's query on



Dato Sri  
Fatimah  
Abdullah

different needs and profiles of the diverse communities in the state.

Agreeing with community leader Pemanca Dr Ali Mudin, she said the different ethnicities, geo-locations, settings and community background elicit different expectations and demands in the society, and a comprehensive research is the way to get the correct picture.

Her ministry is now focussing on data-driven approach in drawing up effective strategies and plans to face and raise awareness of the challenges, she said.

The minister commended the participants for their active participation in providing feedback and discussion at the Miri leg of the forum on

ageing population attended by community and political leaders, NGOs and others.

The forum served as a crucial space to discuss and navigate the challenges posed and feasible ideas will be presented to the state cabinet for implementation.

Among the issues and challenges ahead are ageing population-friendly infrastructure and facilities, healthcare, social security including elderly poverty and other issues which had already been experienced by other countries. The ministry has visited Netherlands, Sweden and Singapore as part of its preparations for an ageing population, through identifying the necessary steps that should be undertaken.

Fatimah said the visits were fruitful and the lessons learned included the possibility of incorporating the concept of Sweden's inclusive pension system which also included general pension for the private sector.

"This general pension is linked to insurance and perhaps, we can consider tweaking it to find a suitable mechanism for Sarawak," she added.



TAJUK : FOUR FROM BORNEO CLINCH FINAL SPOTS AT IBU NAKHODA HIDUP 2023

HARI : JUMAAT

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 25 OGOS 2023

M/SURAT : 08

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM



Izza (fourth left) with the finalists of Ibu Nakhoda Hidup 2023 at Mydin USJ.

## Four from Borneo clinch final spots at Ibu Nakhoda Hidup 2023

**SUBANG JAYA:** Non-governmental organisation (NGO) **WOMEN: girls**, in collaboration with Procter & Gamble (P&G) Malaysia and Singapore, as well as Mydin USJ officially closed the 'Ibu Nakhoda Hidup' programme for 2023, with four of the six finalists originating from Borneo.

The closing ceremony held at the main stage of Mydin USJ on Tuesday exemplified the efforts of the three organisations to advance and empower women entrepreneurs, especially in upgrading their economies throughout the country.

"At **WOMEN: girls**, we understand that empowering mother entrepreneurs does not only mean empowering the community, it should also contribute towards the future growth of the next generation," said **WOMEN: girls** executive director Izza Izelan.

**WOMEN: girls** is a dynamic NGO committed to efforts to cultivate women as role models,

and children as agents of change.

The Ibu Nakhoda Hidup initiative is supported by Tabung Hurlurkan Harapan, a fund that aims to support social initiatives by P&G and Mydin, a decade ago, and recognised by P&G.

After careful evaluation of 104 interviewees in various locations including Kuala Lumpur, Selangor, Terengganu, Penang, Negeri Sembilan, Johor, Melaka, Kelantan, Sabah and Sarawak, six exceptional mother entrepreneurs were selected as programme participants for the year.

They are Chendra Bahak from Kuching, an entrepreneur who founded traditional Borneo food in Peninsular Malaysia; Yenny Jamrut, a cendol entrepreneur from Sabah who desires the development of her innovation; Mariani Idris, an agricultural industry activist from Kuching who has more than two decades of knowledge about plants and fertilisers; Masinah, a supplier of salted fish and dried shrimp

based in Sabah who dreams of exporting his products to the international market; Azmira Ali, skilled in the production of Sambal Penyet who dreams of growing her business into an enterprise; and Paremala Vanni, a bakery entrepreneur and expert bakery instructor who is committed to sharing knowledge through cake and bakery classes.

P&G Malaysia and Singapore regional manager Nantha Kumaran Kalimuthu said by equipping mother entrepreneurs with the skills to grow their enterprises, they aim to empower these amazing women so that they can continue to thrive while also being able to increase their income and create new job opportunities in their communities.

From ice cream sellers to music teachers, this initiative has helped 25 female entrepreneurs in Malaysia tackle the challenges of building businesses and improving the lives of their families and communities.



TAJUK : PET DOG'S INCESSANT BARKING SAVES WOMAN FROM POTENTIAL COBRA BITE

HARI : JUMAAT

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 25 OGOS 2023

M/SURAT : 10

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

## Pet dog's incessant barking saves woman from potential cobra bite

**MIRI:** A pet dog proved to indeed be its owner's best friend when its incessant barking saved her from potentially getting bitten by a cobra at home Wednesday night.

Miri Civil Defence Force (APM) said it received a call from the 46-year-old woman at 7.45pm.

A team was assigned to the house in Grand Park at 7.50pm.

"Upon arrival at the house at 7.58pm, the team led by Mohd

Nashree Razali met with the woman, who related to them how she found the cobra.


"According to her, her pet dog's incessant barking led to the discovery of the cobra coiled under her shoe rack," APM said in a statement.

The team took nine minutes to capture the one-metre-long cobra, and later released it into its natural habitat.

"The operation ended at 8.07pm," added APM.



An APM Miri personnel member shows the cobra caught under a shoe rack.



TAJUK : S.O.S KIDS ORGANISING DINNER TO RAISE FUNDS FOR CRITICALLY ILL CHILDREN

HARI : JUMAAT

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 25 OGOS 2023

M/SURAT : 05

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

## S.O.S Kids organising dinner to raise funds for critically ill children

**KUCHING:** S.O.S Kids, a society for critically ill children, is organising a charity dinner event with the theme 'Eat for a Purpose' to raise funds for their noble cause in conjunction with its 10th anniversary.

Scheduled to take place at Ocho by Kyujin, located at Lot 313, Stampin Ammo Depot Road, Saradise, the event is set to run from Aug 31 to Sept 3.

"This dinner event is part of our ongoing efforts to raise funds, with a targeted goal of RM200,000 this year. Alongside the dinner, we are fortunate to receive contributions and sponsorships from families, friends and corporations," its president Constance Leong told a press conference here yesterday.

Leong is confident that S.O.S Kids will achieve its targeted amount of funds with collaboration from the Sarawak General Hospital.

She emphasised the importance of the funds in providing post-hospitalisation support to critically ill children.

She also called for support from corporate entities to aid in the well-being of the children.

"We hope that larger corporations will step forward to contribute in support of these children," she said.

The charity dinner will not only commemorate a decade of S.O.S Kids' transformative work



(From left) Leong, Dr Chor, Lee, Dr Ooi and Achang speak to reporters during the press conference. — Photo by Ghaz Ghazali

for critically sick children but also offers a unique opportunity for attendees to contribute to the betterment of the children's future.

The event promises a culinary experience curated by Chef Achang Libat.

Funds raised through the event will empower S.O.S Kids to continue their vital work in offering medical support services, improved living conditions, and hope for a brighter future for the children in need.

Each bite taken and every contribution made during the event will directly impact the success stories that lie ahead, ensuring that more children receive the essential support and services they require.

To secure a spot at this meaningful dinner event and to celebrate S.O.S Kids'

10th anniversary, interested individuals are encouraged to visit Chef Achang Libat's Facebook and Instagram pages @chefachanglibat or contact See Bee at 012-3892686.

Founded in 2013, SOS Kids is dedicated to assisting children facing life-threatening illnesses, as well as those who have triumphed over such conditions, along with their families.

The society's mission also includes enhancing clinical expertise in treating critically ill children among healthcare professionals through continuous medical education.

Also present were S.O.S Kids founder and past president Richard Lee, as well as SGH Paediatric Intensive Care Unit paediatric intensivist Dr Chor Yek Kee and senior consultant Dr Ooi Mong How.



TAJUK :	SAMLING, FOUNDATION DONATE RM250,000 TOWARDS SETTING-UP OF TTG MIRI		
HARI :	JUMAAT	AKHBAR :	THE BORNEO POST
TARIKH :	25 OGOS 2023	M/SURAT :	02
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM



Ho (fifth left) representing Samling Group and Yaw Teck Seng Foundation hands over a mock cheque for the RM250,000 to Fatimah (fourth left) for implementation of TTG Miri.

## Samling, foundation donate RM250,000 towards setting-up of TTG Miri

**MIRI:** Samling Group and Yaw Teck Seng Foundation donated RM250,000 for the establishment of Miri temporary transit centre for the homeless (TTG) as part of their corporate social responsibility in supporting the state government's initiative.

The transit home project will be at the previous Telecom office opposite St Joseph's Cathedral here.

It will be an improved version of TTG Sibul which has become the benchmark for new centres to be established in the state, in terms of operation and management. Samling's chief operating officer James Ho handed over the contribution to Minister of Women, Childhood and Community Wellbeing Development Dato Sri Fatimah Abdullah here yesterday.

"TTG Miri is an improved version of TTG Sibul and it would

also include a soup kitchen. I hope corporate bodies such as Shell will also help us in funding as it would be run by a selected NGO later," said Fatimah.

TTG Sibul has proven to be successful in helping homeless persons to find jobs and restoring their dignity since the start of its operation on Dec 6 last year, she added.

One of the homeless with good weaving skills has been promoted to teach the skills to others at the centre, while their products are now being sold at all Petronas fuel stations in Sibul under the tagline that each purchase will go towards helping the homeless.

"This is about giving them a dignified existence and we want them to live independently with dignity when they leave," the minister added.

Also present at the function

were Fatimah's deputy minister Datuk Rosey Yunus, Miri Resident Jamalie Busri and Miri district officer Siti Rohanie Yusof.

According to implementing agency Miri City Council, the six-month project is expected to kick off in October and complete by April 8 next year.

Meanwhile, Samling in a statement said it is happy the centre will have rooms and facilities for those who need shelter, including persons who are destitute, poor and living on the streets, and for people who are in transit from other divisions seeking better lives in Miri and those needing a place to stay while visiting their relatives in hospital.

"The Yaw Teck Seng Foundation and Samling feel honoured to participate in the Miri Transit Home," it said.



TAJUK : WOMAN LOSES OVER RM10K TO DUO OFFERING TO HELP HER INVESTMENT, APPLY FOR AID

HARI : JUMAAT

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 25 OGOS 2023

M/SURAT : 07

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

## Woman loses over RM10k to duo offering to help her invest, apply for aid

**MIRI:** A senior citizen here was left over RM10,000 poorer after two strangers made off with cash and jewellery belonging to her.


Miri police chief ACP Alexson Naga Chabu said the woman, in her 70s, was approached at her home by two unknown men who offered to help her apply for welfare aid and also invest in a scheme that offered high returns.

"The victim's daughter, who filed a police report on Wednesday, said her mother proceeded to hand over her MyKad, bank card,

some cash and about RM10,000 worth of jewellery to the two strangers.

"The victim then went into the kitchen to fetch something but upon returning, discovered that the two men had escaped with the cash and jewellery," he said in a statement.

In light of the incident, Alexson reminded the public to be cautious when approached by strangers offering to help them invest in unknown schemes or offering welfare assistance.



TAJUK : 3,000 HELD OVER HUMAN TRAFFICKING

HARI : JUMAAT

AKHBAR : THE SUN DAILY

TARIKH : 25 OGOS 2023

M/SURAT : 04

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

## 3,000 held over human trafficking


**KUALA LUMPUR:** A total of 3,193 individuals were arrested over human trafficking cases from January 2015 until May this year, said Immigration (operations) deputy director-general Jafri Embok Taha.

He added that 2,110 cases were reported and investigated during the period and some were convicted under the Anti-Trafficking in Persons and Anti-Smuggling of Migrants Act 2007.

“Human trafficking cases affect both Malaysians and foreigners, regardless of gender or age.”

Jafri said yesterday combating such illegal acts was not only the duty of law enforcement agencies, as it also requires support and cooperation from the community, adding that one of the challenges faced in managing the cases was getting cooperation from victims.

“There were situations where victims refuse to file complaints. This may be caused by fear or trauma, making it difficult for the authorities to take action.” – Bernama



TAJUK :	ASFIA, PREMIER DIJANGKA MERIAHKAN PERAYAAN HARI KEBANGSAAN DI MUKAH		
HARI :	JUMAAT	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	25 OGOS 2023	M/SURAT :	03
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

## Asfia, Premier dijangka meriahkan Perayaan Hari Kebangsaan di Mukah

MUKAH: Pemangku Yang di-Pertua Negeri Tan Sri Datuk Amar Mohamad Asfia Awang Nassar dan Premier Sarawak Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg dijangka hadir untuk memeriehkan Sambutan Perayaan Hari Kebangsaan Peringkat Sarawak 2023 di sini pada 31 Ogos nanti.

Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-kanak dan Kesejahteraan Komuniti Dato Sri Fatimah Abdullah berkata, beliau bersama

ahli jawatankuasa sambutan menjemput Asfia untuk menghadiri sambutan dua hari itu iaitu pada 30 dan 31 Ogos.

“Kita adakan pelbagai acara sambutan iaitu antaranya Malam Ambang Merdeka di Dataran Pehin Setia Raja pada sebelah malam 30 Ogos,” katanya selepas mengadakan kunjungan hormat keatas Asfia di Astana Negeri di Kuching, kelmarin.

Acara diteruskan pada awal pagi 31 Ogos dengan ‘Unity Ride

and Walk’ di dataran terbabit. Sekitar 11 pagi, acara dilanjutkan dengan Majlis Perhimpunan Hari Kebangsaan Peringkat Sarawak 2023 di Dewan Serbaguna Politeknik Mukah.

Sebelah petang iaitu acara terakhir di Dewan Serbaguna CENTEXS Mukah pula diadakan Sesi Townhall ‘Tekad Perpaduan Penuhi Harapan.’


Dijangka turut hadir pada acara berkenaan nanti adalah isteri kepada Pemangku Yang

di-Pertua Negeri Puan Sri Datuk Fatimah Mohamad Iskandar dan juga isteri Premier Sarawak Datuk Amar Juma’ani Tuanku Bujang.

Fatimah yang juga ADUN Dalat semasa kunjungan itu turut diiringi Timbalan Menteri Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan Dato Gerald Rentap Jabu, Pengarah Unit Protokol, Istiadat dan Pengurusan Acara Datuk Mohamad Junaidi Mohidin dan Residen Bahagian Mukah Kueh Lei Poh.



**JEMPUTAN:** Asfia (tengah) dan Fatimah (tiga kiri) serta yang lain ketika kunjungan hormat kelmarin.



TAJUK : FOKUS BANTU GELANDANGAN MENGUBAH TARAF HIDUP

HARI : JUMAAT

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 25 OGOS 2023

M/SURAT : 03

STONE : POSITIF

SEKTOR : KPWK

## Fokus bantu gelandangan mengubah taraf hidup mereka

TTG Miri dijangka beroperasi pada April 2024, pemilihan bandar raya Miri berdasarkan statistik gelandangan: Fatimah

Oleh Mohamad Norhadie Sahari

MIRI: Tempat Transit Gelandangan (TTG) Miri dijangka beroperasi April 2024 yang akan memberi fokus membantu gelandangan untuk mengubah taraf hidup mereka.

Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Dato Sri Fatimah Abdullah berkata, pemilihan TTG di bandar raya ini berdasarkan statistik gelandangan di kawasan tersebut.

"Isu gelandangan adalah satu daripada 14 isu sosial yang diberi fokus oleh Kementerian melalui Majlis Pembangunan Sosial Sarawak.

"Statistik Prevalens dan Mapping Gelandangan (MPS) di Sarawak antara Januari dan Julai 2023 adalah sebanyak 93 orang hasil 31 operasi menyelamat dan cerapan gelandangan secara bersepadu dan bersasar yang dijalankan," ujarnya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Penyerahan Simbolik Sumbangan Tanggungjawab Sosial Korporat (SCR) Syarikat Samling Group of Companies di sini, semalam.



**AKTIVITI CSR:** (Dari enam kanan) Fatimah dan Rosey menyaksikan Majlis Penyerahan Replika Cek Sumbangan SCR Syarikat Samling Group of Companies bernilai RM250,000 daripada James (lima kanan) kepada wakil MBM semalam.

Menurutnya, profil gelandangan tetap yang direkodkan MPS dan Jabatan Kebajikan Masyarakat Sarawak (JKMS) dalam tempoh tersebut adalah 69 lelaki dan 24 perempuan.

Prevalens yang tertinggi adalah di Kuching iaitu 32 orang, diikuti Sibu (17), Bintulu (13), dan Miri (sembilan).

"Antara punca yang

menyebabkan mereka menjadi gelandangan adalah masalah keluarga (38 peratus), masalah kesihatan mental (33 peratus), tiada tempat tinggal (12 peratus), ketagihan minuman keras dan substans (10 peratus) dan dibuang kerja (lima peratus)," jelasnya.

Justeru, TTG adalah projek yang bermula dalam Rancangan Malaysia Ke-11

(RMK11) Peruntukan Kerajaan Sarawak bagi komuniti gelandangan untuk menyediakan kemudahan transit sementara, khidmat sokongan dan rujukan intervensi seperti saringan kesihatan, bimbingan, latihan dan penyelesaian isu sosial lain yang dihadapi.

"Isu sosial seperti gelandangan adalah masalah yang rumit dan tidak mampu ditangani

“Antara punca yang menyebabkan mereka menjadi gelandangan adalah masalah keluarga (38 peratus), masalah kesihatan mental (33 peratus), tiada tempat tinggal (12 peratus), ketagihan minuman keras dan substans (10 peratus) dan dibuang kerja (lima peratus).”

Dato Sri Fatimah Abdullah  
Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti

secara silo.

"Kolaboratif secara bersepadu daripada pelbagai agensi awam, swasta, badan bukan kerajaan, komuniti setempat dan orang perseorangan atau dermawan sangat diperlukan," ujarnya.

Syarikat Samling Group of Companies telah menyumbang berjumlah RM250,000 kepada kerajaan Sarawak melalui Majlis Bandaraya Miri (MBM) untuk pengubahsuaian bangunan bagi penubuhan TTG Miri.

Fatimah berkata, untuk TTG Miri penubuhan dan pelantikan ahli-ahli Lembaga Penasihat telah dibuat pada 7 Oktober 2022.

Di peringkat pengurusan TTG, Jawatankuasa Pengurusan TTG ditubuhkan mengikut lokasi yang dipengerusikan Residen Bahagian Miri dan ahli-ahlinya.

Ini terdiri daripada agensi-agensi dan NGO berkaitan seperti Pejabat Daerah Miri, Pejabat Kebijakan Masyarakat Bahagian, Pejabat Imigresen Wilayah, AADK Daerah, Ibu Pejabat Polis Daerah, Pejabat Kesihatan Bahagian Bahagian, MBM dan NGO.

"Di peringkat pentadbiran operasi TTG, kita akan melantik sebuah 'anchor' NGO untuk menjalankan operasi harian dengan bantuan


rakan-rakan strategik NGO yang lain.

"Bagi TTG Miri, Residen Bahagian Miri sudah memulakan proses bagi mengenal pasti NGO-NGO yang berminat dan komited untuk menjadi 'anchor' NGO dan NGO-NGO sokongan dari kalangan pertubuhan bukan kerajaan tempatan bagi mengoperasikan TTG yang dijangka siap pada April 2024 nanti," ujarnya.

Sementara itu, TTG Bintulu pula kini di peringkat pembinaan oleh Lembaga Kemajuan Bintulu (BDA) dan dijangka siap pada April 2025.

Manakala, TTG Kuching dalam proses tender oleh Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU) dan dijangka siap pada Februari 2024.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Pembangunan Wanita dan Kanak-Kanak Datuk Rosey Yunus, Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti (KPWK) Noriah Ahmad dan Ketua Pegawai Operasi Syarikat Samling Group of Companies James Ho Yam Kuan.



TAJUK :	MR D.I.Y. DIKTIRAF SEBAGAI SYARIKAT TERBAIK DALAM ANUGERAH KELESTARIAN & CSR MALAYSIA 2023		
HARI :	JUMAAT	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	25 OGOS 2023	M/SURAT :	10
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

## MR D.I.Y. diiktiraf sebagai Syarikat Terbaik dalam Anugerah Kelestarian & CSR Malaysia 2023

**KUALA LUMPUR:** Peruncit perkakas, MR D.I.Y. Group (M) Berhad (MR D.I.Y.) dinobatkan sebagai Syarikat Terbaik (Peruncit Perkakas Rumah) atas sumbangan besarnya terhadap inisiatif komuniti, alam sekitar, dan tempat kerja dalam Anugerah Kelestarian & Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Malaysia 2023.

Anugerah tersebut dianjurkan oleh 'CSR Malaysia', sebuah inisiatif di bawah Pertubuhan Amal Tanggungjawab Kemapanan dan Korporat Malaysia yang bertujuan untuk mengiktiraf kejayaan cemerlang syarikat korporat di Malaysia dalam peranan mereka sebagai pemacu transformasi sosioekonomi dan alam sekitar Malaysia. Anugerah itu telah disampaikan oleh Menteri Pembangu-

nan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Dato Sri Nancy Shukri sebagai penghargaan terhadap usaha dan pencapaian mereka.

Panel juri sosial telah memilih 61 penerima anugerah berdasarkan kepada kriteria berikut: amalan syarikat yang selari dengan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, dan memastikan ia tidak bercanggah dengan SDG; syarikat mempunyai tujuan serta matlamat inisiatif kelestarian yang jelas, dengan impak yang signifikan; kerap menganjurkan acara, memberikan sumbangan besar; telus dalam membuat pelaporan; pelaksanaan kreatif; mempunyai pasukan kelestarian yang mantap dan inisiatif yang ikhlas serta berkesan.

Pengerusi Kumpulan MR D.I.Y., Dato' Azlam Shah Alias ketika mengulas mengenai penerimaan anugerah itu berkata, "Pengiktirafan ini menjadi bukti kepada komitmen kami dalam memacu perubahan positif dalam komuniti di sekeliling kami, memupuk alam sekitar yang lebih lestari, dan menyenggara tempat kerja yang menyokong dan inklusif. Kami mengucapkan terima kasih kepada jawatankuasa penganjur dan panel juri atas pengiktirafan ini."


Majlis Anugerah Kelestarian dan CSR itu telah diadakan di Mandarin Oriental Hotel, Kuala Lumpur pada 26 Julai 2023. 55 syarikat dan 6 personaliti cemerlang telah diiktiraf dalam 61 kategori, dan MR D.I.Y. merupakan pemenang tunggal Syarikat

Terbaik (Peruncit Perkakas Rumah) atas sumbangan besarnya dalam kategori inisiatif komuniti, alam sekitar dan tempat kerja.

Ini merupakan anugerah pertama dalam bidang Kelestarian dan CSR yang diterima oleh Kumpulan MR D.I.Y. daripada CSR Malaysia. Pada tahun 2021, kumpulan itu telah disenaraikan dalam Indeks FTSE4Good Bursa Malaysia dan menerima anugerah kelestarian sebagai Pemandang Baru Terbaik dalam kategori Ekuiti semasa Anugerah The Edge ESG pertama pada tahun 2022.

**ANUGERAH KELESTARIAN:** Azlam (tengah) menerima anugerah daripada Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (dua kiri).





TAJUK : PASUKAN SAR TEMUI PARANG, PAKAIAN WARGA EMAS HILANG

HARI : JUMAAT

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 25 OGOS 2023

M/SURAT : 01

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

## Pasukan SAR temui parang, pakaian warga emas hilang

**LIMBANG:** Pasukan mencari dan menyelamatkan (SAR) semalam menemui parang dan pakaian yang digunakan oleh seorang warga emas yang dilaporkan hilang sejak Khamis minggu lalu, dipercayai dibaham buaya di Kampung Ulak.

Pegawai Pertahanan Awam Daerah Limbang Leftenan (PA) Mirwan Shah Masri berkata, petunjuk baharu itu ditemui PADA jam 10 pagi di kawasan anak Sungai Luagan Pandam yang berjarak tiga kilometer dari mangsa dilaporkan hilang.

"Kemudian pengesahan dibuat oleh keluarga mangsa bagi mengesahkan barangan yang dijumpai adalah milik mangsa.

"Pihak Sarawak Forestry Corporation (SFC) turut menambah dua umpan di kawasan berdekatan barang




**PETUNJUK BARU:** Seluar milik mangsa yang ditemui semalam.

mangsa ditemui.

"Operasi pencarian diteruskan sehingga hari Ahad," katanya.

Pada Khamis lalu, mangsa, Sahari Mail, 66, kali terakhir

dilihat pada jam 8.30 pagi memakai baju biru dan seluar panjang coklat serta berkasut sebelum dilaporkan tidak pulang ke rumah.



TAJUK :	PENGASUH TASKA DERA KANAK-KANAK DIPENJARA 12 BULAN		
HARI :	JUMAAT	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	25 OGOS 2023	M/SURAT :	02
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

## Pengasuh taska dera kanak-kanak dipenjara 12 bulan

**KOTAKINABALU:** Pengasuh yang ditahan selepas rakaman perbuatannya memukul kanak-kanak di sebuah taska di sini tersebar baru-baru ini, dijatuhi hukuman penjara 12 bulan.

Tertuduh, Melona Eva Ezwa Musah, 27, juga dikenakan denda RM10,000 atau penjara 12 bulan lagi sekiranya gagal membayar denda selepas mengaku bersalah ketika dihadapkan di Mahkamah Sesyen Kota Kinabalu, di sini.

Mahkamah turut mengenakan bon berkelakuan baik selama dua tahun terhadap tertuduh.

Hukuman itu diputuskan Hakim Amir Syah Amir Hassan selepas mengambil kira pengakuan tertuduh dan hujah mitigasi peguamnya, Hairul Vaiyron Othman.

Berdasarkan fakta kes, wanita itu dituduh menganiaya seorang kanak-kanak lelaki berumur empat tahun sehingga menyebabkan kecederaan fizikal.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu antara jam

9 pagi hingga 10 pagi pada 8 Ogos lalu di sebuah taska di Penampang.

Pertuduhan kes itu dibuat mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 dan dibaca bersama mengikut Seksyen 31 (2) akta yang sama.

Jika disabitkan kesalahan, tertuduh boleh didenda tidak lebih RM50,000 atau dipenjara selama tempoh tidak lebih 20 tahun atau kedua-duanya sekali.

Mahkamah juga boleh memerintahkan supaya orang yang disabitkan kesalahan mengikut subseksyen itu menyempurnakan suatu bon dengan penjamin untuk berkelakuan baik selama apa-apa tempoh dan dengan apa-apa syarat yang difikirkan patut oleh mahkamah dan melaksanakan khidmat masyarakat.

Terdahulu, Hairul dalam rayuannya bagi pihak tertuduh berkata, anak guamnya sudah dihukum apabila berada dalam situasi kemurungan dengan pertuduhan yang ‘tergantungan dalam kepalanya’, selain

menghadapi penghinaan apabila video perbuatannya tular di media sosial.

Hairul berkata, selain menghadapi situasi kemurungan dan dihina dalam media sosial, tertuduh juga dipukul oleh ibu bapa mangsa sehingga menyebabkan kecederaan pada dirinya.

“Dengan mengaku bersalah juga, tertuduh juga menyelesaikan kes itu seterusnya boleh menjaga kedua ibu bapanya dan jika hukuman lebih berat dikenakan, ini ‘mengalahkan’ tujuan itu.

“Berdasarkan apa yang disampaikan (rayuan), ia bukan bermaksud tertuduh tidak bertanggungjawab atas kesalahannya itu. Mitigasi ini hanyalah untuk supaya dia (anak guamnya) diberi peluang kedua, bukan hanya untuk dia tapi juga untuk ibu bapanya.

“Jadikan kes ini sebagai pengajaran kepada dia untuk menjadi insan yang lebih baik, supaya dia masih boleh menjadi sebahagian daripada generasi yang baik untuk negara,” katanya.



TAJUK :	SOS KIDS ANJUR MAJLIS MAKAN MALAM AMAL BANTU KANAK-KANAK SAKIT KRITIKAL		
HARI :	JUMAAT	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	25 OGOS 2023	M/SURAT :	06
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

## SOS Kids anjur majlis makan malam amal bantu kanak-kanak sakit kritikal

**KUCHING:** Pertubuhan untuk Kanak-Kanak Sakit Kritikal atau S.O.S Kids (SOS Kids) mempelawa orang ramai untuk menyumbang dana dengan menyertai majlis makan malam yang bertemakan 'Eat For A Purpose.'

Majlis makan malam amal itu yang diadakan sempena 10 tahun SOS Kids akan diadakan di Ocho by Kyujin di Lot 313, Jalan Stampin Ammo Depot di Saradise, di sini.

Presidennya Constance Leong berkata, majlis makan malam itu akan diadakan pada 31 Ogos dan 1 hingga 3 September dan 8 hingga 10 September depan.

"Ia sebagai sebahagian daripada usaha kita untuk mengumpul dana yang disasarkan tahun ini iaitu RM200,000.

"Selain daripada majlis makan malam, pertubuhan juga mendapat sumbangan atau tajaan daripada keluarga dan rakan-rakan dan syarikat," ujarnya.

Beliau berkata demikian pada sidang media mengenai Majlis Makan Malam Mengumpul Dana SOS Kids yang bertemakan 'Eat For A Purpose' di sini, semalam.

Constance berkata, pertubuhan itu yakin dapat mencapai sasaran dana untuk membantu kanak-kanak sakit kritikal di bawah kerjasama mereka



**MARI SOKONG:** Constance (kiri) bersama (dari dua kiri) Dr Chor, Lee, Dr Ooi dan Achang pada sidang media mengalu-alukan orang ramai menyertai program amal 'Eat For A Purpose' untuk menyokong kanak-kanak sakit kritikal.

dengan Hospital Umum Sarawak (HUS).

Katanya, pesakit kanak-kanak yang sakit kritikal amat memerlukan sokongan dari segi bantuan seperti peralatan selepas mereka keluar dari hospital.

"Kami amat berharap selepas ini syarikat korporat atau besar untuk menyumbang demi sokongan kepada kanak-kanak berkaitan," katanya.

Acara eksklusif itu bukan hanya menandakan satu dekad dalam mengubah hidup kanak-kanak yang sakit kritikal, malah memberikan peluang unik untuk

menyumbang kepada masa depan dan kesejahteraan mereka.

Tema 'Eat for a Purpose' menggabungkan kenikmatan pengalaman kulineri yang akan disediakan oleh Cef Achang Libat.

Dana yang terkumpul semasa acara itu akan membolehkan SOS Kids untuk meneruskan kerja penting mereka, menyediakan perkhidmatan sokongan perubatan, ruang hidup yang lebih baik, dan memberi harapan kepada kanak-kanak untuk masa depan yang lebih cerah.

"Setiap suapan yang anda


ambil dan setiap sumbangan yang anda buat akan menyumbang secara langsung kepada kisah-kisah kejayaan yang akan datang, memastikan lebih ramai kanak-kanak mendapat sokongan dan perkhidmatan yang mereka perlukan," katanya.

Untuk tempahan, orang ramai yang ingin menyertai makan malam itu dan meraikan ulang tahun ke-10 SOS Kids, lawati laman Facebook dan Instagram @chefachanglibat atau hubungi See Bee menerusi talian 012-3892686.

Ditubuhkan pada tahun 2013, SOS Kids berusaha membantu kanak-kanak menghadapi penyakit yang mengancam nyawa atau telah selamat dari penyakit tersebut, dan juga keluarga mereka dalam menghadapi keadaan dan memenuhi keperluan perubatan mereka dalam perjalanan pemulihan yang panjang.

Selain itu, SOS Kids juga bertujuan meningkatkan kepakaran klinikal dalam merawat kanak-kanak yang sakit kritikal dalam kalangan pekerja kesihatan melalui aktiviti pendidikan perubatan berterusan.

Turut hadir pada sidang media tersebut ialah Pengasas SOS Kids yang juga bekas Presiden Richard Lee serta dua Penasihat Perubatan Pediatrik HUS Dr Ooi Mong How dan Dr Chor Yek Kee.



TAJUK :	TIADA LESEN: PEMANDU WANITA, PENUNGGANG MOTOSIKAL LELAKI DIDENDA		
HARI :	JUMAAT	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	25 OGOS 2023	M/SURAT :	02
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

## Tiada lesen: Pemandu wanita, penunggang motosikal lelaki didenda

**MIRI:** Seorang pemandu wanita dan seorang penunggang motosikal masing-masing didenda RM350 atau tiga hari penjara oleh Mahkamah Majistret kerana kesalahan memandu tanpa mempunyai lesen sah.

Hukuman itu dijatuhkan Majistret Nazira Adlin Ahmad Khairul Razi setelah meneliti beberapa aspek termasuk pengakuan salah dan rayuan kedua-dua tertuduh, keterangan fakta kes dan berat kesalahan yang dilakukan mereka.

Judy Muyan, 46, dari Sungai Mapai, Kanowit dan Willie Mang Peter, 24, dari Sungai Ridan, Marudi, masing-masing telah didakwa mengikut Seksyen 26 (1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333/87) dan dihukum di bawah Seksyen 26 (2) akta yang sama.

Jika sabit kesalahan boleh didenda tidak kurang dari RM300 dan tidak melebihi RM2,000 atau penjara hingga tiga bulan atau kedua-duanya sekali.

Menurut keterangan kes, Judy selaku pemandu sebuah kereta dengan nombor pendaftaran QTA53xx didapati telah memandu kenderaannya itu di atas jalan raya tanpa mempunyai lesen memandu yang sah.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu pada jam 3 petang, 30 Ogos 2022 di Jalan Kuala Baram di sini.

Manakala dalam kes kedua, Willie selaku penunggang sebuah motosikal dengan nombor pendaftaran QM236xx didapati telah melakukan kesalahan serupa dengan menunggang motosikalnya itu di atas jalan raya tanpa memiliki lesen yang sah.

Kesalahan itu didakwa dilakukan tertuduh pada jam 10.58 malam, 18 Februari tahun ini di Jalan Tudan di sini.

Pendakwaan bagi kedua-dua kes itu dikendalikan Inspektor Mudzilawati Abdul Rahman, manakala kedua-dua tertuduh tidak diwakili peguam bela.



TAJUK : WANITA DIKEJUTKAN ULAR SAWA KETIKA HENDAK MEMETIK SAYUR

HARI : JUMAAT

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 25 OGOS 2023

M/SURAT : 02

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

# Wanita dikejutkan ular sawa ketika hendak memetik sayur

**MIRI:** Hasrat seorang wanita mahu memetik sayur di tepi semak di Jalan Bulatan, di sini terbantut apabila dikejutkan dengan penemuan seekor ular sawa dianggarkan sepanjang empat meter, kelmarin.

Panik dengan penemuan tersebut, wanita itu kemudiannya meminta bantuan seorang lelaki berusia 23 tahun berdekatan untuk menghubungi talian kecemasan bagi menangkap ular.

Maklumat daripada Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Miri berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan daripada pengadu kira-kira jam 12.32 tengah hari.

“Sepasukan seorang pegawai dan tiga anggota APM diketuai Sarjan Mejar (PA) Andan Ngidang bergegas ke lokasi kejadian selepas menerima panggilan terse-



**PANTAS:** Anggota APM menunjukkan ular sawa batik dianggarkan sepanjang empat meter yang berjaya ditangkap.

but.

“Setibanya di lokasi, pasukan terus meninjau di lokasi yang dinyatakan pengadu dan menemui ular sawa batik di tepi pagar sebuah rumah,” katanya dalam satu kenyataan

media di sini.

APM memberitahu, anggotanya berjaya menangkap ular sawa batik dianggarkan sepanjang empat meter itu menggunakan peralatan khas.

“Ular itu kemudiannya dilepaskan ke habitat asal yang jauh dari petempatan penduduk.

“Operasi menangkap ular selesai pada jam 1.24 petang,” ujarnya.